

19/01/1997

NGO jangan jadi kuda tunggangan asing

Nurul Adlina Kamaludin

SELASA lalu, Pendaftar Syarikat (ROC) menyerbu pejabat Tenaganita Sdn Bhd kerana disyaki berselindung di sebalik nama syarikat untuk menjadi kumpulan pendesak dan memburukkan kerajaan.

Selain Tenaganita, dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain turut dikenal pasti melakukan kesalahan yang sama.

Serbuan itu memang tepat pada masanya dan dilihat sebagai tindakan drastik kerajaan untuk menghentikan usaha pihak tertentu yang sengaja memeralatkan NGO bagi memburukkan Malaysia.

Kita juga berharap ini akan mengingatkan NGO lain supaya tidak menjadi kuda tunggangan orang tertentu.

Seperti yang ditegaskan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ahad lalu, Majlis Tertinggi Umno memandang serius perbuatan orang tertentu menyalahgunakan NGO sebagai kumpulan pendesak masyarakat.

Ini jelas, katanya, kerana pandangan yang dilahirkan bukan berdasarkan pandangan atau kepentingan rakyat tempatan, sebaliknya hasil perancangan tersendiri untuk memprotes Malaysia.

Ini bukanlah pertama kali ingatan seperti itu diberi. Teguran demi teguran sudah dibuat kepada NGO sebelum ini kerana kelantangannya yang bukan saja tidak kena pada tempat, tetapi tidak berpandukan sebarang bukti nyata.

Projek pembangunan yang membawa manfaat seperti Projek Hidroelektrik Bakun, dikritik dan dijadikan isu.

Tidak cukup dengan itu, pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia yang menjalankan tugas mengawasi keamanan negara, turut menjadi sasaran pihak berkenaan.

Tindakan itu jelas menunjukkan NGO terbabit sudah lari daripada landasan perjuangan asal, iaitu menjaga kepentingan rakyat. Ini kerana NGO adalah organisasi yang wujud dalam sesebuah negara dengan matlamat tertentu, sama ada berteraskan kebajikan, sosial, ekonomi dan antarabangsa.

Bagaimanapun, perbuatan sesetengah NGO berselindung di sebalik nama syarikat dan membenarkan pertubuhan itu diperalatkan pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab, tidak boleh dipandang ringan.

Kerajaan sudah pasti tidak akan bertolak ansur kerana perbuatan itu berbahaya dan NGO terbabit dengan mudah membenarkan pihak asing menyelinap masuk menguasai pertubuhan itu dan mengeluarkan pelbagai tuduhan yang tidak berasas.

Lebih bahaya kerana ia membabitkan pihak asing iaitu NGO di luar negara tetapi sudah hilang taring di negara sendiri. Mereka ingin memperluaskan pengaruh di luar negara dan Malaysia dijadikan sasaran.

Mereka bertopengkan isu hak asasi dan kemanusiaan tetapi hakikatnya keamanan negara itu yang disasarkan.

Bagi memudahkan tugas, NGO di Malaysia yang tidak berpegang kepada prinsip dan tidak bersifat nasionalisme dijadikan alat serta mangsa, kerana yang dihukum bukan mereka sebaliknya pemimpin NGO tempatan.

Ini menyedihkan kerana pada kita, NGO sepatutnya menjadi pendokong bukan penentang kepada usaha yang baik dan memberi idea yang membina bagi kepentingan bersama.

Seperti pertubuhan lain, ia perlu bergerak pada landasan kepentingan negara bukannya organisasi atau rakan sekutu asing mereka.

Pemimpin serta ahli NGO perlu sedar bahawa di Malaysia yang jelas mengamalkan demokrasi, kebebasan bersuara sememangnya ada dan kerajaan

selama ini bersikap liberal terhadap mereka. Malah kewujudan mereka dianggap sebagai unit yang melengkapkan masyarakat negara ini.

Walaupun ada yang mempamerkan gelagat seolah-olah mereka adalah pertubuhan politik dan mencabar kerajaan, perbuatan itu tidak dipandang serius. Ini kerana, ada NGO lain yang sebenarnya turut memberi sumbangan besar kepada pembangunan sosial negara ini.

Oleh itu, jika Majlis Tertinggi (MT) Umno memandang berat tindakan beberapa orang tertentu menyalahgunakan NGO untuk menjadi pendesak masyarakat dan memburukkan kerajaan, rakyat seharusnya bersikap membenci NGO seperti itu.

Malah, usaha Kementerian Dalam Negeri untuk mengadakan kajian menyeluruh bagi mengelakkan NGO diperalat juga bertepatan dengan masanya.

Ini kerana, kita mahu NGO yang ada benar-benar asli dan berjuang demi kepentingan rakyat. Bukan mewujudkan suasana yang hanya menggalakkan percakaran sesama kita tetapi yang tersenyum bangga adalah pihak asing di luar negara.

(END)